



UiTM@Media **2016**



Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Media sebagai wadah perpaduan bertanggungjawab

Media bukan sekadar berperanan sebagai penyampai berita semata-mata tetapi juga membentuk bangsa sesebuah negara. Termaktub dalam undang-undang berkaitan media di Malaysia bahawa media berfungsi sebagai wadah pembentukan perpaduan. Apatah lagi sebagai negara pelbagai kaum, media adalah jambatan ampuh dalam proses toleransi dan asimilasi antara kaum dan negeri di Malaysia.

Sejajar dengan titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, media adalah pengungkil atau mekanisme penting yang mempengaruhi arah haluan dunia berdasarkan kebijaksanaan pengamal dan pemilik media.

Setiap syarikat atau pemilik media ada agenda tersendiri. Media juga memikul tanggungjawab sosial yang perlu mematuhi undang-undang dan peraturan serta akta berkaitan media. Tindakan undang-undang boleh digunakan bagi mengawal selia segala unsur memutarbelitkan fakta atau menabur fitnah dalam dunia siber.

SKMM kawal media

Sudah sampai masanya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melipatgandakan penguatkuasaan undang-undang terhadap pihak yang menyalahi akta media dan komunikasi. Penguatkuasaan ini adalah 'tindakan proaktif' supaya rakyat tidak terpedaya serta terpesong dan lebih ditakuti melanggar undang-undang negara.



**DR ISMAIL
SUALMAN**

Antara undang-undang dan akta media yang boleh dikuatkuasakan termasuk Facebook seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286), serta Kanun Keseksaan (Akta 574). Sebagai contoh kes membabitkan penyalahgunaan internet termasuk Facebook ini dapat dikurangkan dengan penguatkuasaan berterusan undang-undang berkenaan.

Kerajaan juga sudah melakukan pindaan terhadap Akta Keterangan 1950 (Akta 56) membabitkan prosedur perundangan bagi proses pembuktian jenayah internet termasuk Facebook. Malah, pindaan itu diluluskan di Dewan Rakyat pada 2012 lagi. Pindaan Akta 56 itu sudah dilakukan dengan penambahan Seksyen 114A bertajuk 'Andaian Fakta dalam Penerbitan.' Seksyen 114A juga boleh diguna pakai dalam kes jenayah dan sivil, mengandaikan bahawa pemilik, pengendali, hos, editor, pelanggan sesebuah rangkaian atau laman web.

Atau pemilik komputer mahupun peralatan mudah alih dianggap 'bertanggungjawab' menyiar atau mengulang siar kandungan dalam laman web atau peralatan terbabit. Jika kita merujuk kes penyebaran

**BERSAMBUNG
DI SEBELAH**

maklumat palsu dan tidak pasti yang berlegar dalam persoalan politik negara sekarang ini, jelas menunjukkan sesiapa yang menyebarkan maklumat tidak sahih dan berunsur fitnah boleh diambil tindakan.

Oleh kerana kes penyalahgunaan akaun laman sosial khususnya Facebook semakin berleluasa, sudah sampai masanya kerajaan mengkaji cadangan mewajibkan setiap pengguna laman sosial didaftarkan.

Mutakhir ini wujud kecenderungan pihak tertentu dengan agenda sengaja melalui media sosial untuk mewujudkan kebencian terhadap seseorang individu atau organisasi. Tindakan ekstremisme maya ini dianggap sebagai keganasan persepsi melalui perbuatan atau penyaluran pemikiran negatif yang disebarkan melalui apa-apa jenis medium untuk menimbulkan provokasi atas sesebuah agenda tertentu. Keganasan persepsi di negara ini berlaku dalam pelbagai aspek sama ada dari segi politik atau sosial.

Dalam era globalisasi, kita dapat saksikan peperangan fizikal bukan lagi sumber keganasan malah peperangan saraf mula beralih arah ke dalam media sosial. Isu politik yang menimbulkan kebencian seperti menabur fitnah, semakin mengganaskan membabitkan pemimpin utama negara, institusi dan organisasi kerajaan malah menyentuh institusi Raja-Raja Melayu.

Putar belit fakta

Lebih malang ramai juga pengamal dan pengguna media sosial mudah percaya kepada benda karut, sensasi dan tidak menilai kesahihan fakta sesuatu berita. Mereka juga lebih cenderung sebagai 'spinner' di dalam media sosial. Mereka gemar memutarbelitkan fakta dan menyalurnkannya kepada pihak lain melalui viral dalam media sosial.

Setiap warganegara perlu menghentikan tabiat menyebarkan maklumat tidak sahih sumbernya. Jangan mudah terpengaruh dengan mainan dan manipulasi pihak tidak bertanggungjawab khususnya perkara yang boleh menggugat kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara. Pemilik dan pengguna media harus bijak menyampaikan maklumat, terutama di alam maya dan elakkan daripada diulit perasaan benci terhadap seseorang.

Sejajar dengan titah Sultan Nazrin, petugas atau wartawan perlu bersifat objektif dalam penyampaian berita. Mereka mestilah menyempurnakan amanah dan bertanggungjawab dengan hati dan iman yang penuh takwa, insaf, setiap perkataaan, perbuatan dinilai oleh Allah pada hari pengadilan nanti.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

